

Penambahbaikankualiti pendidikan

UB 19.10.2012 B4



MINDA PENDIDIK

ROSLEE TALIP

Bersama Mohd Yusof Abdullah,
Baharom Mohamad, Abdul Said
Ambotang, Shukri Zain dan
Muhamad Suhaimi Taat

BIDANG keberhasilan pendidikan negara merupakan manifestasi daripada kecemerlangan sistem pendidikan negara yang didasari satu asas profesionalisme yang kukuh dan sejajar dengan hasrat melestarikan wawasan dan aspirasi negara sebagai sebuah negara maju yang

berpaksikan kecemerlangan sistem pendidikan. Kecemerlangan sistem pendidikan negara bukan sahaja bergantung kepada falsafah yang dibangunkan tetapi juga memerlukan anjakan kecemerlangan daripada kalangan pelaksananya iaitu guru Malaysia. Insan pendidik yang bergelar guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan nasional dan merupakan agen pelaksana segala dasar serta matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Dalam konteks ini, proses dan sistem pendidikan perlu dibangunkan dan diberikan satu sinergi baru menerusi pelaksanaan program-program pembangunan profesionalisme secara efisien di peringkat sekolah.

Sehubungan dengan itu, elemen-elemen keberkesanan pembangunan profesion keguruan merupakan cabaran asas yang perlu dihadapi dalam melaksanakan amalan-amalan pendidikan terbaik di sekolah. Dalam konteks ini digariskan beberapa faktor dalaman yang menyumbang kepada keberkesanan sekolah dan antara variable yang amat berpengaruh ialah kualiti kerja guru, penglibatan dan kepuasan guru, penglibatan dan kepimpinan pentadbir sekolah, budaya kecemerlangan akademik dan hubungan positif dalam kalangan warga sekolah. Secara umumnya, keberkesanan pembangunan profesionalisme terhadap pembentukan etos sekolah cemerlang dan peningkatan kualiti akademik pelajar ini amat menuntut kepada penambahbaikkan berterusan kualiti profesionalisme guru dalam pengajaran dan kepimpinan pentadbir yang akan membentuk impak yang signifikan kepada pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

Guru akan mempengaruhi pencapaian pelajar dan dalam masa yang sama kualiti pengajaran guru adalah dipengaruhi oleh kepimpinan pengetua. Bukti-bukti empirikal kajian menunjukkan bahawa sekolah yang mampu mewujudkan perubahan dalam gaya pembelajaran pelajar adalah disebabkan kepimpinan pengetua yang berjaya membawa perubahan positif, seterusnya mengangkat dan mengupayakan kecemerlangan para gurunya

Dalam banyak keadaan, kualiti pengajaran guru boleh dipertingkatkan lagi jika pihak pentadbiran sekolah mampu menyediakan satu bentuk program pembangunan profesional guru yang merangkumi elemen penilaian, maklum balas, kejurulatihan dan penetapan matlamat khusus secara kolektif. Justeru dalam hal ini pihak pentadbir sekolah perlu mencari suatu mekanisme untuk melihat kepentingan pembangunan keguruan terhadap kecemerlangan pelajar dan mereka mendapati melalui kaedah pemantauan pihak sekolah secara sistematik, pengajaran guru terhadap pelajarannya akan lebih berfokus. Sekaligus guru-guru yang rendah prestasi pengajarannya akan dapat diserapkan ke dalam program pembangunan yang bersesuaian. Ini dapat mengelakkan kesan negatif kepada pembelajaran pelajar jika tahap kepuasan dan komitmen guru didapati menurun.

Kajian-kajian literatur menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru di bilik darjah dan sekolah amnya merupakan satu proses perubahan yang berterusan dikaji sejak dua dekad kebelakangan ini. Konteks perubahan pendidikan ini merujuk kepada pengstrukturkan atau penambahbaikkan dalam amalan keguruan dan polisi-polisi pendidikan. Secara amnya, pembangunan profesionalisme keguruan dalam konteks amalan pengajaran guru menurut mereka lagi harus berlandaskan keperluan pendidikan dalam sesuatu masyarakat, faktor motivasi yang meletakkan penglibatan aktif para guru dalam profesionnya dan kebergunaan pengetahuan dalam usaha menterjemahkan dasar pendidikan.

Sehubungan itu pengaruh pembangunan profesionalisme keguruan terhadap penambahbaikkan amalan pengajaran guru mendapati bahawa; secara keseluruhannya menunjukkan kemajuan yang ketara dalam amalan pengajaran apabila mereka meningkatkan kepakaran dalam kandungan-subjek, strategi pengajaran dan pengurusan unsur-unsur penting yang lain dalam pengajaran. Pembangunan profesionalisme keguruan memberikan kesan ketara terhadap cara guru mendapatkan kandungan-subjek, memperolehi strategi dan kemahiran pengajaran yang baru, bekerja dengan rakan sejawat dan menganalisis serta merancang pembelajaran profesional mereka. Sebahagian guru berpendapat bahawa model-model pembangunan profesional yang diaplikasikan pada peringkat sekolah dapat menyediakan peluang tambahan atau ruang memperbaiki diri dari aspek etika dan kerjaya sama ada secara individu mahupun secara kolektif.

Secara tidak langsung ini merumuskan bahawa sebahagian besar guru meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap usaha pembangunan profesionalisme dalam memartabatkan profesion keguruan. Namun demikian didapati juga bahawa pembangunan profesionalisme masih lagi dipengaruhi oleh kelemahan-kelemahan dalaman yang menyebabkan program pembangunan tersebut tidak berkesan. Kelemahan dalaman yang dimaksudkan ialah kurangnya satu kaedah penilaian dalam menentukan impak dan seterusnya pengurusan impak pembangunan profesional secara lebih berkesan. Selain itu, kelemahan program pembangunan profesionalisme dalam meningkatkan kualiti keguruan juga dapat dikaitkan dengan beberapa aspek seperti berikut:

Pembangunan profesional berasaskan sekolah diakui sangat penting oleh komuniti sekolah walaupun dalam banyak keadaan, amalan pengurusan dan pembangunan profesional kerap bersifat ad hoc akibat ketiadaan satu mekanisme perancangan yang sistematik di pihak pengurusan sekolah,

Tidak terdapat polisi bertulis tentang pembangunan profesional dan penilaian sistematik terhadap program pembangunan yang dilaksanakan,

Dalam kebanyakan situasi, program pembangunan profesionalisme cenderung menggunakan pendekatan model 'defisit' yang cuba memperbaiki kelemahan dan bukannya untuk meningkatkan amalan kerja guru yang berkesan,

Terdapat perbezaan yang ketara antara persepsi guru dan pengetua tentang program pembangunan profesionalisme keguruan di peringkat sekolah,

Walaupun kedua-dua guru dan pengetua mengakui kepentingan peranan pengetua dalam pembangunan profesionalisme keguruan, tetapi terdapat perbezaan persepsi antara guru dan pengetua terhadap peranan pengetua dalam pengurusan pembangunan profesional. Dalam masa yang sama guru menuntut agar mereka dilibatkan secara berkesan dalam perancangan dan proses membuat keputusan sekolah.

Ini bermakna masih kelemahan dalam penstrukturkan yang berkesan akhirnya membawa kepada kelemahan di semua peringkat perancangan, pelaksanaan dan penambahbaikkan program-program pembangunan guru. Dapatan ini juga berkongsi hasil yang sama apabila guru masih kurang dilibatkan dalam proses perancangan dan membuat keputusan untuk program profesionalisme keguruan peringkat sekolah.

Sehubungan itu, pembangunan profesional sewajarnya menumpukan kehendak khusus guru itu sendiri berbanding dengan menggunakan pendekatan 'one-size fits all' tanpa mengukur tahap dan kemampuan sedia ada guru.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.